

**NOTIS SEBUTHARGA PERKHIDMATAN**  
**JABATAN KERJA RAYA JOHOR**  
**SEBUTHARGA BIL: PKRJ/SH/NEG/SA/18/2023**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pendaftaran Syarikat Bumiputera (SAPSB) dalam bidang yang dinyatakan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini seperti jadual dibawah:-

BIL	TAJUK KERJA	KELAS, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / BIDANG	TARIKH JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & MASA TUTUP
1.	No. Sebut Harga: <b>PKRJ/SH/NEG/SA/18/2023</b> <b>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP BERKALA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI TEMPOH DUA PULUH EMPAT BULAN (24) UNTUK TAHUN 2024 HINGGA 2025 DI KEM SULTAN IBRAHIM, JOHOR.</b>	Kementerian Kewangan Malaysia  Pengkhususan: Kod Bidang 221002 (Membersih Kawasan)	<b>19/11/2023 (Ahad)</b> sehingga <b>26/11/2023 (Ahad)</b>	RM50.00 Secara atas talian	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Johor, Tingkat 5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim  <b>27/11/2023 (Isnin)</b> <b>12.00 Tengahari</b>

2. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (SAPSB) dalam Kod Bidang 221002 (Membersih Kawasan).
3. Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **19hb November, 2023 (Ahad)** hingga **26hb November, 2023 (Ahad)** di Pejabat Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor dengan membuat pembayaran '**Online**' berharga **RM50.00** dan slip pembayaran di emel ke alamat emel: [onlinepayment.jkrhq@johor.gov.my](mailto:onlinepayment.jkrhq@johor.gov.my). Kontraktor-kontraktor yang **layak** sahaja akan diberikan maklumat untuk membuat pembayaran 'Online' tersebut.
4. Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan, namun kontraktor **DIGALAKKAN** menghadiri taklimat pada **19hb November, 2023 (Ahad)** pada jam 11.00 pagi. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di Bilik Mesyuarat, Pejabat Unit Senggara Aset Negeri, Bangunan C1S, Kota Iskandar, 79582 Iskandar Puteri, Johor pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
5. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor dikehendaki membawa perakuan / sijil ASAL **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SAPS)** yang dikeluarkan **Kementerian Kewangan Malaysia** beserta satu Salinan perakuan / sijil tersebut.
6. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di PEJABAT PENGARAH KERJA RAYA (BAHAGIAN UKUR BAHAN), TINGKAT 5, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK, KOTA ISKANDAR, 79582 ISKANDAR PUTERI, JOHOR **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 27hb November, 2023 (Isnin)**. Penyerahan Dokumen Sebut Harga secara pos yang diterima selepas dari tarikh tutup yang dinyatakan **tidak akan dipertimbangkan**.
7. Kontraktor atau wakil kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 terkini dan penjarakan sosial sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) ketika proses penyerahan dokumen Sebut Harga secara manual ke pejabat ini.

Nama Penandatangan :  
Jawatan :  
Tarikh :

Tandatangan  
  
Ir. MOHD ZAFUAN ARIF BIN KADIM  
JURUTERA AWAM KANAN  
14/11/2023  
JKR JOHOR